- 苹果..... 200 g

苹果菠菜汁

(两人份)

- 苹果..... 400 g
- 菠菜..... 140 g
- 香蕉..... 100 g
- 柠檬..... 20 g

卷心菜苹果汁

(两人份)

- 卷心菜..... 200 g
- 香菜..... 50 g
- 苹果..... 200 g
- 柠檬..... 30 g

Terima kasih kerana membeli produk Panasonic ini.

- Sila baca arahan ini dengan teliti untuk menggunakan produk dengan betul dan selamat.
- Sebelum menggunakan produk ini, sila berikan perhatian khas anda kepada "**Langkah-Langkah Keselamatan**" dan "**Maklumat Penting**" (P. ML3-ML5).
- Sila simpan kad waranti dan Arahan Pengendalian ini untuk rujukan masa hadapan.
- Panasonic tidak akan menerima sebarang liabiliti jika perkakas digunakan secara tidak wajar, atau gagal mematuhi arahan ini.

Kandungan

Langkah-Langkah Keselamatan.....	ML3
Maklumat Penting.....	ML5
Nama Bahagian dan Arahan.....	ML6
Sebelum Penggunaan.....	ML7
Cara Penggunaan.....	ML11
Pembersihan dan Penjagaan.....	ML12
Penyelesaian Masalah.....	ML13
Perlindungan Pemutus Litar.....	ML14
Spesifikasi.....	ML15
Resipi.....	ML15

Langkah-Langkah Keselamatan

Sila mematuhi arahan-arahan berikut.

Untuk mengelakkan kemalangan atau kecederaan kepada pengguna dan orang lain serta kerosakan terhadap harta benda, sila ikut arahan di bawah.

■ Isyarat berikut menunjukkan tahap kemudaratan dan kerosakan apabila produk disalahgunakan.



AMARAN: Menunjukkan potensi bahaya yang boleh mengakibatkan kecederaan serius atau kematian.



PERHATIAN: Menunjukkan potensi bahaya yang boleh mengakibatkan kecederaan kecil atau kerosakan harta benda.

■ Simbol diklasifikasi dan diterangkan seperti berikut.



Simbol ini menunjukkan larangan.



Simbol ini menunjukkan keperluan yang perlu dipatuhi.



AMARAN

Untuk mengelakkan risiko kejutan elektrik, kebakaran, terbakar melecur atau kecederaan serius.



- **Jangan biarkan bayi dan kanak-kanak bermain dengan bahan pembungkusan.** (Ia boleh menyebabkan tercekik.)
- **Jangan menyahpasang, membaiki atau mengubah suai perkakas ini.**
→ Hubungi Pusat Servis untuk pemeriksaan atau pembaikan.
- **Jangan rosakkan kord atau palam kuasa.**

Tindakan berikut adalah dilarang:

Mengubah suai, menyentuh atau meletakkannya berdekatan dengan elemen pemanasan atau permukaan panas, membengkok, memutar, menarik, menggantung / menarik di atas bahagian tepi yang tajam, meletakkan objek berat di atasnya, mengikat kord kuasa atau membawa perkakas dengan memegang kord kuasa.

- **Jangan pasang palam atau cabut palam kuasa menggunakan tangan yang basah.**
- **Jangan gunakan perkakas jika kord atau palam kuasa rosak atau palam kuasa disambungkan secara longgar ke salur keluar.**
→ Jika kord kuasa rosak, ini mesti digantikan oleh pengilang, agen servis atau individu berkeelayakan yang serupa untuk mengelakkan keadaan bahaya.
→ Masukkan palam kuasa dengan kukuh.
- **Jangan rendam perumah motor, kord atau palam kuasa ke dalam air, atau percikkan dengan air dan / atau mana-mana cecair.**
- **Jangan gunakan perkakas ini jika bekas buah-buahan dan sayur-sayuran, skru pengisaran, penapis, atau mangkuk pengejus rosak atau mempunyai keretakan yang boleh dilihat.**



- **Perkakas ini tidak sepatutnya digunakan oleh orang (termasuk kanak-kanak) yang kekurangan keupayaan fizikal, deria atau mental, kekurangan pengalaman dan pengetahuan; kecuali mereka yang pernah diawasi atau diberi arahan mengenai penggunaan perkakas ini daripada orang yang bertanggungjawab terhadap keselamatan mereka.**
Kanak-kanak perlu diawasi untuk memastikan mereka tidak bermain dengan perkakas ini.
- **Pastikan perkakas dan kord kuasa jauh daripada capaian kanak-kanak. Jangan biarkan kord kuasa tersangkut di tepi meja atau kaunter dapur.**
- **Bersihkan kotoran pada palam kuasa dengan kerap.**
→ Cabut palam kuasa, dan lap menggunakan kain kering.

Langkah-Langkah Keselamatan

Sila mematuhi arahan-arahan berikut.



AMARAN

Untuk mengelakkan risiko kejutan elektrik, kebakaran, terbakar melecir atau kecederaan serius.



- **Hentikan penggunaan perkakas dengan segera dan cabut palam jika perkakas tidak berfungsi dengan betul.**

Contoh-contoh kejadian tidak normal atau rosak

- Palam dan kord kuasa menjadi panas secara tidak normal.
- Kuasa perkakas gagal berfungsi.
- Perumah motor berubah bentuk, terdapat kerosakan yang boleh dilihat atau menjadi panas secara tidak normal.
- Terdapat keretakan pada mangkuk pengejusan atau komponen lain.
- Terdapat bau yang tidak menyenangkan.
- Terdapat bunyi putaran yang tidak normal semasa digunakan.
- Terdapat ketidaknormalan atau kegagalan fungsi yang lain.

→ Hubungi Pusat Servis untuk pemeriksaan atau pembaikan.

- **Pastikan voltan yang ditunjukkan pada label perkakas sama seperti bekalan tempatan anda.**

Elakkan daripada memasang palam peranti lain pada soket sesalur rumah yang sama untuk mengelakkan elektrik yang berlebihan. Walau bagaimanapun, jika anda menyambungkan beberapa palam kuasa, pastikan jumlah watt tidak melebihi watt yang dikadarkan bagi salur keluar.



PERHATIAN

Untuk mengelakkan kejutan elektrik, api, asap, terbakar, melecir, kecederaan atau kehilangan harta benda.



- **Jangan gunakan perkakas di lokasi yang berikut.**

- Di atas permukaan yang tidak rata, permaidani atau alas meja dan sebagainya.
- Tempat yang perkakas boleh terkena percikan air atau berdekatan dengan sumber haba.
- Berdekatan dengan mana-mana tempat air yang terbuka seperti tab mandi, sinki, atau bekas lain.
- Berdekatan dengan dinding atau perabot.

→ Letakkan perkakas di atas permukaan meja kerja rata yang kukuh, kering dan bersih.

- **Jangan masukkan jari, sudu, garpu, atau objek lain ke dalam bekas buah-buahan dan sayur-sayuran semasa perkakas sedang dikendalikan. Jika bekas buah-buahan dan sayur-sayuran tersumbat, gunakan penolak bahan makanan untuk membersihkan; jika makanan melekat di tepi bekas buah-buahan dan sayur-sayuran, gunakan pengikis untuk menolaknya ke bawah.**
- **Jangan gantikan mana-mana bahagian perkakas dengan bahagian alat ganti bukan tulen. (Penggunaan bahagian alat ganti bukan tulen boleh menyebabkan bahagian tersebut pecah dan terbang, lalu mengakibatkan kecederaan peribadi.)**
- **Jangan bawa perkakas dengan memegang kord kuasa.**
- **Jangan masukkan apa-apa objek ke dalam celahan perkakas.**
- **Jangan benarkan kanak-kanak menggunakan perkakas tanpa pengawasan.**
- **Jangan tolak pin kunci keselamatan dengan apa-apa alat, seperti kayu nipis dan sebagainya (P. ML9)**
- **Jangan kendalikan perkakas ini selama lebih daripada 15 minit secara berterusan. Selepas setiap 15 minit pengendalian, biarkan berehat selama 30 minit (atau sehingga suhu perumah motor berkurangan).**
- **Jangan tinggalkan perkakas tanpa pengawasan semasa penggunaan. Matikan kuasa sebelum meninggalkan perkakas.**
- **Jangan buka penutup bekas atau tanggalkan mangkuk pengejusan semasa perkakas sedang dikendalikan.**

! PERHATIAN

Untuk mengelakkan kejutan elektrik, api, asap, terbakar, mecur, kecederaan atau kehilangan harta benda.




- Jangan gunakan bahan terlarang seperti yang dinyatakan dalam arahan ini. (P. ML10)
- Perkakas ini tidak boleh dikendalikan dengan menggunakan pemasa luaran atau sistem kawalan jauh bebas.



- Cabutkan palam semasa perkakas tidak digunakan.
- Pastikan untuk memegang palam kuasa apabila mencabut palam. Jangan sesekali menarik kord kuasa.
- Berhati-hati supaya tidak tersandung atau terbelit dengan kord kuasa semasa digunakan.
- Pegang dan bersihkan skru pengisaran dan penapis dengan cermat.
- Apabila memindahkan perkakas, cabut palam terlebih dahulu, kemudian sokong bahagian bawah perkakas dengan kedua-dua belah tangan dan gerakkan mangkuk pengejukan dan perumah motor secara berasingan. Jangan pegang pemegang atau mangkuk pengejukan untuk memindahkan perkakas.



Pemegang



Perumah motor

- Jangan biarkan rambut, rantai leher, atau pakaian longgar berada dekat dengan bekas buah-buahan dan sayur-sayuran.
- Sentiasa putuskan sambungan perkakas daripada bekalan jika dibiarkan tanpa pengawasan dan sebelum memasang, menyahpasang, memindah atau membersihkan.
- Matikan perkakas dan putuskan sambungan daripada bekalan kuasa sebelum menukar lekapan atau mendekati bahagian yang bergerak semasa digunakan.
- Jangan tuangkan bahan-bahan atau cecair panas ke dalam perkakas untuk mengelakkan risiko keselamatan atau isu prestasi akibat suhu tinggi. Jangan masukkan bahan-bahan yang lebih panas daripada 60 °C ke dalam bekas buah-buahan dan sayur-sayuran.
- Pastikan untuk mengendalikan dan merehatkan perkakas seperti yang dinyatakan pada jadual spesifikasi. (P. ML15 "Spesifikasi")
- Pastikan untuk membersihkan perkakas terutamanya bahagian permukaan yang bersentuhan dengan makanan selepas penggunaan. (P. ML12 "Pembersihan dan Penjagaan")
- Produk ini bertujuan untuk kegunaan isi rumah sahaja.

Maklumat Penting


- Jangan letakkan bekas jus atau bekas pulpa dalam ketuhar gelombang mikro; jangan dedahkan pengikis kepada perkakas nyalaan terbuka atau pemanas suhu tinggi.
- Jangan gunakan perkakas di luar rumah.
- Jangan gunakan perkakas untuk tujuan komersial.
- Jangan jatuhkan perkakas atau sambungan untuk mengelakkan daripada merosakkannya.
- Jangan bungkus kord kuasa di sekeliling bahagian perumah motor.
- Pastikan bahagian atau lekapan ditetapkan dengan kukuh sebelum digunakan.
- Bersihkan perkakas dengan teliti selepas setiap penggunaan.
- Jangan kendalikan perkakas tanpa bahan selama lebih daripada 30 saat. Jika tidak, komponen pemprosesan mungkin mengalami kerosakan.
- Tambahkan bahan-bahan dengan serta-merta selepas menghidupkan perkakas.
- Jangan sekat muncung pulpa atau muncung jus semasa perkakas sedang dikendalikan.



Tanda "Jangan pegang pemegang atau mangkuk pengejukan untuk memindahkan perkakas."

Nama Bahagian dan Arahan

- Sebelum penggunaan pertama atau selepas berpanjangan tidak digunakan, basuh semua bahagian yang boleh ditanggalkan. (P. ML12)




Sebelum Penggunaan


Nyahpemasangan dan pemasangan bahagian – Aksesori

Untuk menyahpasang


- 1** Tanggalkan mangkuk pengejus dari perumah motor.




- 2** Tanggalkan penapis.



- 3** Tanggalkan skru pengisaran.



- 4** Gasket boleh ditarik ke atas.



Untuk dipasang

- 1** Pastikan gasket dan penapis dipasang dengan betul.

- Gasket berada di dalam mangkuk pengejus. Masukkan gasket ke dalam bukaan dan tekan ke bawah (seperti yang ditunjukkan dalam rajah di sebelah kanan).
- Pasangkan penapis (seperti yang ditunjukkan dalam rajah di sebelah kanan).
- Jika tidak dipasang dengan betul, perkakas tidak dapat berfungsi dengan betul.




Sebelum Penggunaan

Nyahpemasangan dan pemasangan bahagian – Aksesori

Untuk dipasang


2 Letakkan mangkuk pengejusan ke perumahan motor.

- Jajarkan pin keselamatan mangkuk pengejusan dengan pin kunci keselamatan pada perumahan motor.




3 Pasangkan skru pengisaran ke perumahan motor.

- ① Masukkan skru pengisaran ke bahagian tengah.
 - ② Putarkan skru pengisaran dan tolak sehingga masuk ke dalam lubang.
- Jika skru pengisaran tidak ditolak masuk dengan cukup dalam, penapis tidak boleh dipasang.



4 Pasangkan penapis.

- Jajarkan tanda "◀" pada penapis dengan "▶" pada mangkuk pengejusan.
- Berhati-hati supaya tidak membiarkan jari anda tersepit di celah antara skru pengisaran dan penapis.




Sebelum Penggunaan




Nyahpemasangan dan pemasangan bahagian – Bekas buah-buahan dan sayur-sayuran

Untuk dipasang

- 1** Jajarkan tanda "▼" pada bekas buah-buahan dan sayur-sayuran dengan ikon buka kunci pada mangkuk pengejus.




- 2** Putarkan bekas buah-buahan dan sayur-sayuran mengikut arah jam sehingga tanda "▼" sejajar dengan ikon kunci bekas buah-buahan dan sayur-sayuran pada mangkuk pengejus dan bunyi "klik" boleh kedengaran.



Untuk menyahpasang, ikuti langkah dalam susunan terbalik.

Melayu

Kunci Keselamatan



- Reka bentuk kunci keselamatan menghalang perkakas daripada dihidupkan apabila bahagian alat ganti tidak dipasang dengan betul.
- Jangan gunakan apa-apa alatan, kayu dan sebagainya, untuk menolak pin kunci keselamatan.

Sebelum Penggunaan

Penyediaan bahan-bahan untuk pengejuskan

Bahan-bahan terlarang

Bahan-bahan yang boleh merosakkan bahagian

- Bahan-bahan sejuk beku atau disejukkan
- Biji buah pic, plum, mangga dan sebagainya
- Buah pisang kaki (biji buah ini tidak boleh dibuang sepenuhnya)
- Makanan kering (Kacang soya, kacang lain, bijirin dan sebagainya)
- Labu yang tidak dimasak, burdock dan sebagainya
- Tebu
- Alkohol, minyak sayuran mentah, minyak masak lain
- Makanan panas
- Sebiji lemon



Bahan-bahan melekit yang tidak boleh diproses

- Ubi teratai
- Bendi
- Mulukhiya, dll.

Bahan-bahan berminyak

- Bijan
- Walnut
- Kacang tanah dan sebagainya

Nota

Bahan-bahan berminyak boleh diproses dengan air.

Penyediaan bahan

- Buah-buahan
 - Kupas kulit tebal, kemudian buang biji dan pit yang besar dan/atau keras daripada buah-buahan, seperti nanas, sitrus, pic dan mangga.
- Sayur-sayuran
 - Kupas kulit tebal dan buang batang dan biji yang besar dan/atau keras, seperti timun dan peria.
 - Bahan-bahan dengan gentian keras perlu dipotong menjadi kepingan kira-kira 3 cm hingga 5 cm panjang atau kiub kira-kira 1.5 cm hingga 2 cm.
 - Untuk sayur-sayuran berdaun dan bahan-bahan dengan gentian panjang dan keras, potong batang menjadi kepingan kira-kira 3 cm hingga 5 cm panjang dan gulungkan daun.

Petua

- Sila gunakan buah-buahan dan sayur-sayuran segar. Rasa dan jumlah pengekstrakan boleh berbeza bergantung pada kesegaran dan masa penuaian bahan-bahan tersebut.
- Apabila menggunakan bahan-bahan yang kurang kelembapan, tambahkan jumlah air atau susu yang sama dan masukkan secara berkelompok dengan perlahan-lahan.
- Untuk pengekstrakan, sebaik-baiknya gandingkan bahan yang mempunyai lebih banyak pulpa, seperti pisang, pic atau mangga, dengan buah-buahan yang lebih lembap, seperti epal atau oren.
- Sayur-sayuran berdaun mudah tersangkut dalam skru pengisaran dan/atau bahagian dalam aksesori, serta boleh menyumbatkan muncung pulpa dengan mudah.
- Jangan masukkan semula pulpa ke dalam bekas buah-buahan dan sayur-sayuran untuk pengekstrakan buat kali kedua.

Cara Penggunaan

Pengekstrakan

Penyediaan

- 1 Pasangkan semua bahagian pada perumah motor. (P. ML7-ML9)
- 2 Sediakan bahan-bahan. (P. ML10)
- 3 Letakkan bekas di bawah muncung jus dan muncung pulpa.
- 4 Pasangkan palam kuasa ke dalam salur keluar kuasa isi rumah.

1 Putarkan tombol ke "I".

2 Perlahan-lahan masukkan bahan ke dalam bekas buah-buahan dan sayur-sayuran, serta tekan ke bawah dengan penolak bahan makanan.

- Masukkan bahan-bahan secara berkelompok, dengan selang masa kira-kira 5 saat setiap kali.
- Jangan masukkan bahan-bahan secara paksa ke dalam bekas buah-buahan dan sayur-sayuran.
- Jika bahan-bahan tersangkut atau perkakas melahu, putar tombol ke "R" selama beberapa saat. Jika produk dimatikan secara automatik, mula-mula putarkan tombol ke "O" dan tekan suis tetapkan semula untuk memulihkan kuasa. Kemudian putarkan tombol ke "R" dan anda cuba kendalikan semula. (P. ML6)
- Jika bahan-bahan melekat di tepi bekas buah-buahan dan sayur-sayuran, gunakan pengikis untuk menolaknya ke bawah.

3 Selepas menyelesaikan pengekstrakan, putarkan tombol ke "O" dan tutup tudung muncung jus.

Selepas penggunaan

- Cabut palam kuasa.
- Gunakan berus pembersih untuk membuang pulpa dari muncung jus dan muncung pulpa.
- Nyahpasang bahagian dan bersihkannya (P. ML12). Jangan pegang pemegang atau pemasangan bekas buah-buahan dan sayur-sayuran semasa menggerakkan perkakas. (Menjatuhkan perkakas boleh mengakibatkan kecederaan diri.)

Nota

- Bergantung pada bahan-bahan (terutamanya bahan-bahan keras), pulpa boleh bercampur dalam jus buah-buahan dan sayur-sayuran. Jika pulpa menjejaskan rasa, tapis minuman berkenaan.
- Apabila sisa gagal dilepaskan, terkumpul kembali dari muncung pulpa, atau bertimbun di atas mangkuk pengejus, matikan kuasa dan buang pulpa.



Pembersihan dan Penjagaan

Perhatian

- Cabut palam kuasa sebelum pembersihan.
- Selepas setiap penggunaan, bersihkan semua bahagian dengan teliti dan pastikan kering.
- Jangan gunakan turpentin, pencair, alkohol, peluntur, serbuk pelepas, berus logam, atau berus nilon untuk membersihkan perkakas, kerana semua itu boleh merosakkan permukaan.
- Jangan gunakan objek tajam seperti pencungkil gigi atau jarum untuk membersihkan perkakas.
- Jangan bersihkan mana-mana bahagian dalam mesin basuh pinggan mangkuk atau pendering.

Penolak bahan makanan / Bekas buah-buahan dan sayur-sayuran

Bersihkan dengan sabun pinggan mangkuk yang dicairkan (neutral) dan span lembut, bilas sebersih-bersihnya dengan air bersih dan keringkan dengan udara.


Mangkuk pengejus

Bersihkan dengan sabun pinggan mangkuk yang dicairkan (neutral) dan span lembut, bilas sebersih-bersihnya dengan air bersih dan keringkan dengan udara. Selepas semua bahagian kering, pasang semula dengan betul.

- Gasket di dalam perumah motor

Untuk menyahpasang

Tarik keluar gasket.



Untuk dipasang

Masukkan gasket ke dalam bukaan seperti yang ditunjukkan dalam gambar rajah di sebelah kanan.



*Selepas pembersihan dilakukan, biarkan bahagian menjadi kering sebelum memasang semula. Jangan tinggalkan bahagian ini tanpa pengawasan. (Bahagian kecil boleh hilang, mengakibatkan bahaya terecekik kepada kanak-kanak, atau ditelan. Bahagian yang hilang boleh merosakkan perkakas atau mengakibatkan kebocoran jus.)

Perumah motor

Lap dengan kain lembap.

Penyimpanan

- Untuk mengelakkan pengumpulan habuk, keringkan semua bahagian dengan udara selepas pembersihan.
- Untuk mengelakkan pincang tugas, jangan songsangkan perumah motor.
- Apabila memindahkan perkakas, asingkan mangkuk pengejus dari perumah motor dan bawa dengan kedua-dua belah tangan. (P. ML5)
- Pastikan perkakas jauh daripada capaian kanak-kanak.

Maklumat tentang penyahwarnaan bahagian


Sesetengah penyahwarnaan bahagian boleh berlaku setelah menggunakan bahan-bahan seperti lobak merah atau sayur-sayuran berdaun. Membersihkan semua bahagian serta-merta selepas setiap penggunaan membantu mengurangkan kesan kotoran.

Penapis / Skru pengisaran

Bersihkan dengan sabun pinggan mangkuk yang dicairkan (neutral) dan span lembut, bilas sebersih-bersihnya dengan air bersih dan keringkan dengan udara.

Penapis

Skru pengisaran




*Penapis: Tarik keluar mengikut arah anak panah, bilas dengan air dan keringkan dengan udara. Jika tersumbat, bersihkan dengan berus pembersih.

*Skru pengisaran: Bersihkan permukaan bawah dengan berus pembersih. (Berus tidak disediakan.)

Aksesori

Bersihkan dengan sabun pinggan mangkuk yang dicairkan (neutral) dan span lembut, bilas sebersih-bersihnya dengan air bersih dan keringkan dengan udara.



Penyelesaian Masalah

Sebelum mengaturkan pembaikan, periksa item berikut.

Masalah	Sebab dan Tindakan
Perkakas tidak berfungsi apabila kuasa dihidupkan.	<ul style="list-style-type: none">● Adakah palam kuasa dimasukkan ke dalam salur keluar elektrik?<ul style="list-style-type: none">➔ Masukkan palam kuasa ke dalam salur keluar.● Pasangkan perkakas dengan betul.<ul style="list-style-type: none">➔ Putarkan bekas buah-buahan dan sayur-sayuran sehingga berbunyi klik. Jika langkah ini dilangkau, perkakas tidak akan berfungsi walaupun apabila kuasa dihidupkan. (P. ML9)● Perlindungan pemutus litar telah dicetuskan.<ul style="list-style-type: none">● Bahan-bahan terlarang telah digunakan.● Bilangan bahan-bahan terlalu besar.● Bahan-bahan adalah terlalu keras.➔ Sila rujuk kepada "Perlindungan Pemutus Litar". (P. ML14) Keluarkan bahan terlarang dari mangkuk pengejus.
Perumah motor mengalami pemanasan lampau.	<ul style="list-style-type: none">● Masa pengendalian melebihi tempoh yang dikadarkan.<ul style="list-style-type: none">➔ Gunakan dalam masa yang dikadarkan (maksimum 15 minit). Tunggu sekurang-kurangnya 30 minit sebelum menyambung semula pengendalian. Biarkan perumah motor menjadi sejuk untuk mengelakkan motor mengalami pemanasan lampau dan pincang tugas.
Perkakas tiba-tiba menghentikan pengendalian.	<ul style="list-style-type: none">● Penutup bekas terbuka.<ul style="list-style-type: none">➔ Matikan kuasa, tutup penutup bekas, kemudian mulakan semula.● Perlindungan pemutus litar telah dicetuskan.<ul style="list-style-type: none">● Bahan-bahan terlarang telah digunakan.● Bilangan bahan-bahan terlalu besar.● Bahan-bahan adalah terlalu keras.➔ Sila rujuk kepada "Perlindungan Pemutus Litar". (P. ML14) Keluarkan bahan terlarang dari mangkuk pengejus.● Muncung pulpa tersumbat.<ul style="list-style-type: none">➔ Matikan kuasa dan gunakan berus pembersih untuk membuang sisa.
Bunyi berlaku semasa pengendalian.	<ul style="list-style-type: none">● Ini perkara biasa. Anda boleh terdengar bunyi detapan atau gersak.<ul style="list-style-type: none">● Ini ialah bunyi yang dihasilkan semasa menghancurkan bahan-bahan. (Bergantung pada bahan-bahan, bunyi yang terhasil mungkin kuat.)● Ini ialah bunyi yang dihasilkan oleh skru pengisaran apabila bersentuhan dengan penapis.

Penyelesaian Masalah

Sebelum mengaturkan pembaikan, periksa item berikut.


Masalah	Sebab dan Tindakan
Kebocoran jus berlaku.	<ul style="list-style-type: none">● Gasket atau penapis yang disertakan tidak dipasang dengan betul. → Sila pasangkan komponen ini dengan betul. (P. ML7-ML9)
Mangkuk pengejusan atau perumah motor bergegar semasa pengendalian.	<ul style="list-style-type: none">● Ini perkara biasa. Memandangkan mangkuk pengejusan dan perumah motor menampilkan reka bentuk yang boleh ditanggalkan, gegaran boleh berlaku apabila skru pengisaran berputar. Jangan tekan ke bawah pada bekas buah-buahan dan sayur-sayuran. (Tindakan tersebut boleh mengakibatkan kerosakan perkakas.)
Bunyi atau getaran tidak normal berlaku.	<ul style="list-style-type: none">● Skru pengisaran dan aksesori mesin pemerah tidak dipasang dengan betul. → Pasang skru pengisaran dan aksesori dengan betul. (P. ML7-ML9)

Perlindungan Pemutus Litar

Motor boleh berhenti berjalan apabila perlindungan pemutus litar diaktifkan untuk mengelakkan beban berlebihan motor. Jika motor berhenti, sila ambil langkah-langkah berikut:

1 Matikan kuasa.

- Putarkan tombol ke "O".



2 Putarkan tombol ke "R" untuk membiarkan perkakas dikendalikan secara terbalik selama beberapa saat.

- Jika skru pengisaran masih gagal dikendalikan seperti biasa selepas putaran balikan, perkakas telah mengaktifkan perlindungan pemanasan lampau. Dalam hal ini, cabut palam kuasa dan biarkan perkakas sejuk selama sekurang-kurangnya 30 minit.

3 Matikan kuasa dan keluarkan bahan-bahan daripada aksesori.

4 Putarkan tombol ke "I".

- Kurangkan jumlah bahan-bahan yang dimasukkan dan perlahan-lahan letakkan bahan-bahan tersebut ke dalam bekas buah-buahan dan sayur-sayuran.

Spesifikasi

Bekalan kuasa	220 V-240 V ~ 50 Hz-60 Hz
Penggunaan kuasa	180 W-210 W
Kadar pengendalian	Kitaran konsekutif 2 dari 15 min. ON, kemudian 30 min. OFF
Panjang kord kuasa (anggaran)	1.0 m
Dimensi (L×D×T) (anggaran)	24.0 cm × 22.0 cm × 46.5 cm
Berat (anggaran)	3.8 kg

Resipi

Jus Lobak Merah dan Oren

(Untuk 2 hidangan)

- Lobak Merah.....300 g
- Pisang.....120 g
- Oren.....210 g
- Lemon.....10 g

Jus Lobak Merah dan Epal

(Untuk 2 hidangan)

- Lobak Merah.....300 g
- Epal.....300 g
- Lemon.....30 g

Jus Paprika dan Tomato

(Untuk 2 hidangan)

- Paprika.....120 g
- Tomato.....200 g
- Pisang.....60 g
- Lemon.....10 g
- Epal.....200 g

Jus Epal dan Bayam

(Untuk 2 hidangan)

- Epal.....400 g
- Bayam.....140 g
- Pisang.....100 g
- Lemon.....20 g

Jus Kubis dan Epal

(Untuk 2 hidangan)

- Kubis.....200 g
- Parsli.....50 g
- Epal.....200 g
- Lemon.....30 g

Panasonic Manufacturing (Xiamen) Co., Ltd.
<https://www.panasonic.com>

© Panasonic Manufacturing (Xiamen) Co., Ltd. 2025

Printed in China

JZ50M170
DL1125S0

SK